

13 AUG 2003

MAHATHIR-TIBA/I

DR MAHATHIR TIBA DI SWAZILAND UNTUK HADIRI DIALOG

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

MANZINI, (Swaziland), 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini awal Rabu bagi menghadiri Dialog Perkongsian Pintar Global 2003, selama empat hari yang dihoskan Swaziland.

Ketibaan beliau di Lapangan terbang Antarabangsa Matsapha disambut oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Afrika Selatan Datuk Zainal Azman Zainal Abidin, Perdana Menteri Swaziland Dr Barnabas Sibusiso dan Menteri Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Swaziland, Putera Quduza.

Dr Mahathir, yang berlepas dari Algiers, Algeria, ditemani isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Perdana Menteri dan isteri diraikan dengan persembahan tarian kebudayaan tradisional oleh lebih 100 penari berpakaian pahlawan berwarna warni.

Semasa diminta mengulas mengenai pentingnya dialog di Swaziland, Dr Mahathir berkata: "Nampaknya ramai ketua-ketua negara hadir, seperti dari West Indies, Thailand dan China."

"Ini menunjukkan dialog ini sudah menarik banyak minat dan kita percaya dengan pertukaran maklumat, kita akan dapat membangunkan negara kita masing-masing."

Semasa ditanya sama ada Malaysia akan terus menjadi hos kepada Dialog Antarabangsa Langkawi selepas beliau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri pada November ini, beliau memberitahu pemberita bahawa:

"Saya rasa begitu, ia sepatutnya diteruskan, ia bukan (diadakan) kerana saya...ia (kerana) Malaysia."

Perdana Menteri yang menginap di Guest House Village, di luar Ezulwini di mana akan berlangsungnya dialog berkenaan, mempunyai jadual yang ketat sepanjang empat hari beliau di sini.

Beliau akan menemui hos dan penaung dialog Raja Mswati III dari Swaziland dan beberapa Ketua Kerajaan dalam apa yang anggap sebagai sesi mengalu-alukan rakan hari ini.

Pada sebelah petang, majlis makan malam rasmi Perkongsian Pintar Ezulwini akan diadakan yang mana Dr Mahathir akan menyampaikan ucap-tama mengenai "Meningkatkan Identiti & Perkembangan melalui Perkongsian Pintar" bertemakan "Bersama Mewujudkan Haluan Kita: Cara Perkongsian Pintar."

Sementara itu, Dr Siti Hasmah akan turut aktif dalam perbincangan isu-isu sosial.

Pada Khamis, sebuah dana pembiayaan akan dilancarkan bagi mendapatkan kira-kira AS\$11 juta (RM41.8 juta) untuk membiayai aktiviti Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) yang telah terlibat dalam organisasi Dialog Antarabangsa Langkawi dan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika sejak 1995.

Swaziland yang berkeluasan 17,360 kilometer persegi mempunyai penduduk seramai 1.2 juta.

Sebelum ke sini, Dr Mahathir berada di Algeria untuk lawatan rasmi selama tiga hari.

Dari Swaziland, Perdana Menteri akan ke Syria pada Sabtu ini, 16 Ogos, untuk lawatan rasmi. -- BERNAMA

MR FR NHD